

# Komputer bermasalah

**A**pakah perkara-perkara yang menyebabkan sesebuah komputer itu menjadi *hang* atau *crash*?

- Mean, Bagan Datoh.

Terdapat banyak perkara yang menyebabkan sesebuah komputer itu menjadi tergantung prosesnya atau *hang* atau calar. Situasi ini dalam sistem Windows sering kali dikenali oleh bijak pandai komputer sebagai sindrom *Death Blue Screen*. Jadi, empunya sesebuah komputer yang bermasalah itu perlu prihatin terhadap perkara mana yang menyebabkan komputer itu bermasalah. Sesebuah komputer mempunyai komponen sensitif iaitu sekiranya komputer itu terjatuh atau terhempas akan menyebabkan komputer itu menjadi bermasalah.

Seterusnya dibincangkan beberapa perkara yang menyebabkan sesebuah komputer itu bermasalah atau tergantung prosesnya.

- Terdapat beberapa perkakasan yang mempunyai satu saluran hubungan dalam sistem komputer yang sama. Keadaan ini menyebabkan berlakunya konflik atau pertindanan operasi perkakasan. Perkara ini boleh disemak dalam aplikasi pengurusan perkakasan seperti aplikasi *Device Manager* dalam sistem Windows. Jadi, mana-mana perkakasan yang konflik

## Diskusi ICT



Bersama **FIRKHAN**  
[sembangict@yahoo.com](mailto:sembangict@yahoo.com)

perlu diperbetulkan semula saluran hubungannya.

- Memori RAM komputer tersebut mempunyai masalah. Cuba bersihkan kesemua permukaan masukan yang terdapat pada kad RAM tersebut. Seterusnya, boleh disemak status memori RAM tersebut sama ada bermasalah atau tidak dengan menggunakan aplikasi seperti aplikasi Memtest86+. Memori RAM yang bermasalah perlu ditukar dengan memori RAM yang baru.
- Masalah kepanasan yang melampau atau haba yang tinggi daripada sesebuah komputer. Sebelum ini telah ada perbincangan berkaitan masalah ini. Bagi penggunaan komputer riba, pastikan komputer itu diletak pada permukaan yang rata dan keras. Sekiranya perlu, pasang alat penyejukan komputer